

<b>Publication</b>	<b>Sinar Harian</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Bisnes/ Pg. 19</b>
<b>Date</b>	<b>Wed, 12<sup>th</sup> Oct 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>No</b>
<b>Headline</b>	<b>Mesra Sahabat Usahawan Bantu Peniaga Bumiputera</b>		



Usahawan baharu bagi produk kecantikan dan kesihatan berkumpul dalam Program Mesra Sahabat Usahawan di SECC.

## Mesra Sahabat Usahawan bantu peniaga Bumiputera

SEREMBAN - Lebih 100 usahawan berkumpul dalam Mesra Sahabat Usahawan sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Negeri Sembilan di Pusat Konvensyen dan Pameran Senawang (SECC) di sini.

Program tiga hari anjuran Mega Expert Solution Sdn Bhd (MESSB) berjaya mengumpulkan peniaga Bumiputera bagi memperagakan produk masing-masing.

Pengarah program Mohd Izani Mohd Daud berkata, program bertujuan memupuk jaringan usahawan berdaya maju, memperkenalkan produk serta menganjurkan bengkel usahawan.

"Sambutan pengunjung juga begitu baik. Kita membuka lebih 100 gerai dan mengengahkan pelbagai produk

kecantikan dan kesihatan," katanya.

Mohd Izani berkata, usahawan turut tidak ketinggalan berkongsi ilmu perniagaan sesama mereka.

"Bagi perancangan akan datang, pihak kami akan menjalinkan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta.

"Kami mahu membantu usahawan baru untuk memasarkan produk mereka ke tahap lebih tinggi," katanya.

Katanya, usahawan Bumiputera mampu berjaya seperti peniaga lain namun memerlukan kesungguhan.

Turut hadir Pengarah Urusan MESSB Tengku Zaid Zulhadin; Pengarah Operasi, Tuan Yusmayadi Yakod dan artis baru Nurul Iman sebagai jurucakap produk syarikat.